

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR:KOSMO

TARIKH:3 OGOS 2017

MUKA SURAT:16

190 projek perumahan terbengkalai dipulihkan



SEBANYAK 190 projek perumahan terbengkalai berjaya dipulihkan sekali gus memberi kelegaan kepada 34,451 pembeli. – Gambar hiasan

KUALA LUMPUR – Sebanyak 190 daripada 258 projek perumahan swasta yang terbengkalai di seluruh Semenanjung berjaya dipulihkan oleh kerajaan, sekali gus memberi manfaat kepada 34,451 pembeli rumah.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar berkata, 15 projek atau enam peratus projek perumahan terbengkalai sedang dalam peringkat pemulihan yang diusahakan manakala 48 projek atau 19 peratus sedang dalam perancangan awal pemulihan.

“Daripada jumlah 190 projek

atau 75 peratus yang berjaya diselesaikan KPKT, sebanyak 32 projek rumah terbengkalai disediakan menggunakan dana kerajaan sebanyak RM219.5 juta yang memberi manfaat kepada 5,079 pembeli,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Normala Abdul Samad (**BN-Pasir Gudang**).

Normala ingin tahu jumlah projek perumahan yang terbengkalai dan jumlah dana yang dikeluarkan oleh pihak kementerian bagi menyiapkan projek-projek perumahan yang terbengkalai ini.

Jelasnya, KPKT mengambil

langkah mengetatkan beberapa syarat kepada pemaju perumahan bagi membendung masalah projek terbengkalai pada masa hadapan.

“KPKT telah meminda Akta Pemaju Perumahan (Akta 118) yang telah berkuatkuasa pada 2015 yang mana kita mewajibkan pihak pemaju meletakkan deposit dalam tabung Akta Pemaju Perumahan sebanyak tiga peratus daripada jumlah kos keseluruhan projek.

“KPKT juga telah melantik juru-audit untuk melihat akaun pemaju bagi memastikan mereka berkemampuan untuk melaksanakan satu-satu projek perumahan,” jelasnya.